

**ESTETIKA PUISI TERPILIH KARYA
PENYAIR WANITA MELAYU ABAD KE-20**

WAN SITI AZAHAYU BINTI WAN MOHAMED

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**ESTETIKA PUISI TERPILIH KARYA
PENYAIR WANITA MELAYU ABAD KE-20**

oleh

WAN SITI AZAHAYU BINTI WAN MOHAMED

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2022

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T dengan limpah kurnia-Nya, dapat juga saya menyelesaikan tesis ini.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Dr. Roslan Chin selaku penyelia utama atas bimbingan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih kepada Dr. Sakinah Abu Bakar yang banyak memberikan perangsang dan nasihat berguna sepanjang penulisan tesis ini daripada peringkat awal lagi. Semoga Allah SWT membalas jasa dan memberkati segala ilmu yang telah dicurahkan.

Penghargaan teristimewa buat kedua ibu bapa saya iaitu Siti Eshah Daud dan Wan Mohamed Wan Omar yang sentiasa menitipkan doa serta tidak pernah jemu memberi kata-kata semangat kepada saya sepanjang proses penulisan tesis ini.

Penghargaan diberikan juga kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia kerana membiayai pengajian saya ini. Saya juga dedikasikan penghargaan ini kepada teman-teman seperjuangan atas ilmu serta bantuan yang diperlukan bagi menyempurnakan tesis ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Wan Siti Azahayu Binti Wan Mohamed (P-OD0001/15)

Bahagian Kesusasteraan,
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
JADUAL KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI RAJAH.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	ix
SENARAI LAMPIRAN.....	ix
ABSTRAK.....	xiv
ABSTRACT.....	xv
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Permasalahan Kajian.....	7
1.4 Kepentingan Kajian.....	9
1.5 Objektif Kajian.....	12
1.6 Kerangka Teori.....	12
1.7 Batasan Kajian.....	14
1.8 Metodologi Kajian.....	16
1.9 Definisi Istilah dan Konsep.....	18
1.9.1 Estetika.....	18
1.9.2 Estetika daripada Perpektif Islam.....	24
1.9.3 Estetika dalam Karya Kesusasteraan.....	29
1.9.4 Rasa.....	37
1.9.5 Emosi.....	39
1.10 Organisasi Tesis.....	42
1.11 Kesimpulan.....	45

BAB 2	SEJARAH KEPENYAIRAN PENYAIR WANITA ABAD KE-20	47
2.1	Pengenalan.....	47
2.2	Latar Belakang dan Kepenyairan Penyair Wanita Abad ke-20.....	51
2.2.1	Zurinah Hassan.....	54
2.2.2	Siti Zainon Ismail.....	56
2.2.3	Zaihasra.....	59
2.2.4	Siti Zaleha M. Hashim.....	61
2.2.5	Salmiah Ismail.....	62
2.3	Kesimpulan.....	64
BAB 3	TINJAUAN KAJIAN LEPAS.....	66
3.1	Pengenalan.....	66
3.2	Kajian Lepas Berkaitan Puisi Karya Penyair Wanita.....	66
3.3	Kajian Lepas Berkaitan Estetika	78
3.4	Kesimpulan.....	94
BAB 4	LANDASAN TEORI.....	97
4.1	Pengenalan.....	97
4.2	Teori Puitika Sastera Melayu.....	97
4.2.1	Keindahan dalam Teori Puitika Sastera Melayu.....	102
4.3	Teori Rasa-Fenomenologi.....	104
4.3.1	Ekspresi Sastera (Rasa).....	111
4.4	Kesimpulan.....	118
BAB 5	KEINDAHAN DALAM MENGAJAR ATAU MENDIDIK, KEINDAHAN DALAM KESEDIHAN DAN KESUSAHAN.....	120
5.1	Pengenalan.....	120
5.2	Estetika Puisi Terpilih Penyair Wanita Melayu Abad ke -20 Melalui Elemen Mengajar atau Mendidik.....	120
5.2.1	Menghargai dan Mengenang Jasa Ibu Bapa.....	123

5.2.2	Amanah dalam Menjaga dan Memelihara Alam Sekitar.....	131
5.2.3	Sabar dan Tabah Menerima Ujian Allah S.W.T.....	140
5.2.4	Menjaga Hubungan Sesama Manusia dan Berhemah Tinggi.....	148
5.2.5	Bersederhana dan Bersyukur.....	158
5.3	Estetika Puisi Terpilih Penyair Wanita Melayu Abad ke -20 Melalui Elemen Kesedihan dan Kesusahan.....	164
5.3.1	Penindasan dan Ketidakadilan.....	164
5.3.2	Kemiskinan dan Kedaifan Hidup.....	172
5.3.3	Dugaan dan Cabaran Hidup di Kota.....	179
5.3.4	Sejarah dan Kenangan Silam.....	185
5.3.5	Menghadapi Bencana Alam.....	190
BAB 6 KEINDAHAN DALAM RASA DAN KEINDAHAN DALAM PENCERITAAN.....		195
6.1	Pengenalan.....	195
6.2	Estetika Puisi Terpilih Penyair Wanita Melayu Abad ke-20 Melalui Elemen Rasa.....	196
6.2.1	Rasa Berahi.....	196
6.2.2	Rasa Duka.....	204
6.2.3	Rasa Berang.....	209
6.2.4	Rasa Dahsyat	215
6.2.5	Rasa Kagum.....	223
6.2.6	Rasa Wira.....	230
6.2.7	Rasa Benci.....	236
6.3	Estetika Puisi Terpilih Penyair Wanita Abad ke-20 Melalui Elemen Penceritaan.....	242
6.3.1	Berlatarkan Kisah Sejarah.....	243
6.3.2	Kisah Perjalanan Hidup Manusia.....	260
6.3.3	Nostalgia dan Pengalaman.....	276

BAB 7 KEINDAHAN YANG ASLI.....	286
7.1 Pengenalan.....	286
7.2 Struktur Bentuk Pantun dan Syair.....	287
7.3 Analisis Puisi Bercirikan Bentuk Pantun.....	290
7.4 Analisis Puisi Bercirikan Bentuk Syair	297
7.5 Kesimpulan.....	307
BAB 8 PENUTUP.....	309
8.1 Pengenalan.....	309
8.2 Kesimpulan.....	317
8.3 Implikasi dan Saranan Kajian.....	319
BIBLIOGRAFI.....	321
SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Senarai Ciri-ciri Keindahan Teori Puitika Sastera Melayu.....	103
Jadual 2.1 Senarai Puisi-Puisi Karya Penyair Wanita Melayu Abad ke-20.....	xiii

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	
Kerangka Teori Kajian Estetika Puisi-Puisi Terpilih Penyair Wanita Melayu Abad ke-20.....	13

SENARAI SINGKATAN

P.P	Patah Perkataan
S.K	Suku Kata
S.W.T	Subhanahu Wataala
S.A.W	Sallallah Alaihi Wassalam

SENARAI LAMPIRAN

Bil	Penyair Wanita Melayu Abad ke-20	Judul Puisi
1	Zurinah Hassan	<ul style="list-style-type: none"> – <i>Sebuah Stesen Kereta Api</i> – <i>Hujan di Pergunungan</i> – <i>Doa di Hari Kelahiran</i> – <i>Di padang Pasir yang Penuh Manusia</i> – <i>Kawan</i> – <i>Berkereta di dalam Hujan Lebat</i> – <i>Port Dickson</i> – <i>Sungai Tiang</i> – <i>Pemilik Kuasa</i> – <i>Keretapi Lewat Petang</i> – <i>Anak-anak Rambutan Putik</i> – <i>Setinggalan</i> – <i>Hujan di Pulau Pangkor</i> – <i>Hujan di Pergunungan</i> – <i>Hujan di Kuala Lumpur</i> – <i>Banjir Kilat</i> – <i>Jalan Kelang Lama</i> – <i>Mahsuri</i> – <i>Surat Teja kepada Tuah</i> – <i>Pulang Seorang Siswazah</i> – <i>Kisah Nor Aziah</i> – <i>Catatan Untuk Suami</i> – <i>Tiba-tiba Kau Datang dan Pergi</i> – <i>Subuh di Kuala Lumpur</i> – <i>Bendahara, Tuah dan Jebat, Aku Selalu Bertanya</i> – <i>Kemerdekaan</i> – <i>Kampung Halaman</i> – <i>Senja di Kuala Lumpur</i> – <i>Laut Membiru Bagai Surat Rindu</i>

2	Siti Zainon Ismail	<ul style="list-style-type: none"> – <i>Ibunda</i> – <i>Taman-taman yang Hilang</i> – <i>Yang Sementara</i> – <i>Sahabat</i> – <i>Doa Sekeping Hati</i> – <i>Embun di Kota Putih Kita</i> – <i>Pesan Akhir Wanita di Satu Lorong</i> – <i>Pokok Ketapang</i> – <i>Pagi Minggu</i> – <i>Hujan</i> – <i>Jalan ke Kampung Halaman</i> – <i>Ku Dengar Suara</i> – <i>Malam & Dingin Buat Mama</i> – <i>Gelora</i> – <i>Cerita Barong dari Bali</i> – <i>Pemecah Batu Gunung</i> – <i>Hujan</i> – <i>Di Majlis Santapan</i> – <i>Perkasihan Subuh</i> – <i>Keringat Kota</i>
3	Zaihasra	<ul style="list-style-type: none"> – <i>Ibunda</i> – <i>Melalui Suatu Perjalanan, Mencarinya, Sambil Menanti Detik itu, Lalu Terlontar ke Sebuah Laut...(Apologi Buat Ibunda)</i> – <i>Bila Hujan Turun</i> – <i>Catatan Perjalanan</i> – <i>Kenangan</i> – <i>Bumiku</i> – <i>Siapakah Dia</i> – <i>Pengabdian Untuk Suatu Ingatan</i> – <i>Lautan di Waktu Subuh</i>

		<ul style="list-style-type: none"> – <i>Pelabuhanku</i> – <i>Puisi Orang Bercinta</i> – <i>Sajak Lebaran Buat Kekasih yang Semakin Melupakan</i> – <i>Siapakah Dia</i> – <i>Hanya Keluhan di Hati</i> – <i>Peribadi</i> – <i>Siapakah Dia</i> – <i>Hanya Keluhan di Hati</i> – <i>Satu senja aku berlari di sini menanti keretapi tiba tetapi dia telah pergi</i> – <i>Gelora</i> – <i>Pencapaian</i> – <i>Hanya Keluhan di Hati</i> – <i>Di Kuburan Amir Hamzah</i> – <i>Daki Langit</i>
4	Siti Zaleha M. Hashim	<ul style="list-style-type: none"> – <i>Laut</i> – <i>Persidangan Mergastua</i> – <i>Lebuh Raya</i> – <i>Sedegup Jantung Sahaja Jaraknya</i> – <i>Embun yang Tergantung</i> – <i>Ada Laut Merah di Bumi Kosovo</i> – <i>Anak-anak Perang</i> – <i>Muni dan Amira</i> – <i>Dari New Delhi ke Agra</i> – <i>Di Bahumu Aku Ingin Bersandar</i> – <i>Kuala Lumpur, Tersenyum</i> – <i>Memori</i> – <i>Menjejaki Laksamana Hang Tuah</i>

5	Salmiah Ismail	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Seorang Tua</i> - <i>Pengalaman iii</i> - <i>Kepada Sahabat (ii)</i> - <i>Dari Sebuah Jendela</i> - <i>Di Kala Hujan</i> - <i>Puisi Kepada Emak</i> - <i>Masa</i> - <i>Suatu Petang, Beginilah</i> - <i>Buat Mama</i> - <i>Musim Gugur</i> - <i>Kalau-kalau</i> - <i>Kubunuh Dirimu Dalam Diriku</i> - <i>Kalau Masih</i> - <i>Aku (i)</i> - <i>Sungai Sepulut</i>
---	----------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jadual 2.1 Senarai Puisi Terpilih Karya Penyair Wanita Melayu Abad Ke-20

ESTETIKA PUISI TERPILIH KARYA PENYAIR WANITA MELAYU

ABAD KE-20

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mengenal pasti puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20 yang diwakili oleh Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Zaihasra, Siti Zaleha M. Hashim dan Salmiah Ismail daripada aspek estetika atau keindahan. Kajian ini dijalankan berasaskan ciri-ciri keindahan dalam konsep keindahan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Ciri-ciri keindahan tersebut ialah “Keindahan dalam Mengajar atau Mendidik”, “Keindahan dalam Mengungkapkan Kesedihan dan Kesusahan”, “Keindahan dalam Penceritaan”, “Keindahan dalam Rasa” dan “Keindahan yang Asli”. Bagi ciri “Keindahan dalam Rasa”, Teori Rasa Fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz telah disandarkan secara khusus bagi menganalisis dan menilai kehadiran rasa indah khalayak terhadap puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair wanita Melayu abad ke-20. Hasil kajian mendapati bahawa puisi-puisi terpilih karya lima orang penyair wanita abad ke-20 berjaya mengungkapkan keindahan seperti mana ciri-ciri keindahan dalam konsep keindahan Teori Puitika Sastera Melayu. Keindahan ini juga lahir daripada cara penyair mengadun, mengolah dan mencerna puisi-puisi mereka dengan penggunaan bahasa yang berkesan bagi menyerlahkan keindahan puisi-puisi yang dihasilkan. Manakala, ciri “Keindahan dalam Rasa” yang disandarkan pada Teori Rasa Fenomenologi pula berjaya mengungkapkan pelbagai jenis emosi dan ekspresi rasa khalayak terhadap puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20.

AESTHETICS OF SELECTED POEMS BY 20TH CENTURY MALAY

WOMEN POETS

ABSTRACT

This study aims to explore and identify the selected poems of 20th century malay female poets represented by Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Zaihasra, Siti Zaleha M. Hashim and Salmiah Ismail from the aspect of aesthetics or beauty. The study was conducted based on the characteristics of beauty in the concept of “*Teori Puitika Sastera Melayu*” by Muhammad Haji Salleh. The characteristics of such beauty are “Beauty in Teaching or Educating”, “Beauty in Expressing Sorrow and Distress”, “Beauty in Storytelling”, “Beauty in Feeling” and “Genuine Beauty”. For the feature “Beauty in Feeling”, “*Teori Rasa Fenomenologi*” by Sohaimi Abdul Aziz has been relied upon specifically to analyze and evaluate the presence of the audience's beautiful sense of poetry produced by 20th century malay female poets. The results of the study found that the selected poems written by five women poets of the 20th century manage to express the beauty in the concept of “*Teori Puitika Sastera Melayu*”. This beauty is also born from the way poets mix, process and digest their poems with the effective use of language to highlight the beauty of the poems produced. Meanwhile, the feature of “Beauty in Feeling” which is based on “*Teori Rasa Fenomenologi*” has succeeded in revealing various types of emotions and expressions of audience feelings towards the selected poems of malay women poets of 20th century.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang aspek-aspek penting yang mempunyai kaitan langsung dengan kajian yang dijalankan iaitu mengenai puisi Melayu moden di Malaysia merangkumi sejarah, makna dan takrifan puisi oleh para sarjana serta nilai-nilai keindahan puisi. Selanjutnya, dinyatakan juga permasalahan kajian yang menjadi asas kepada pelaksanaan kajian ini. Selain daripada itu, turut dibincangkan beberapa lagi perkara seperti kepentingan kajian, objektif kajian, kerangka teori, batasan kajian, metodologi kajian, definisi istilah dan konsep serta organisasi tesis yang memuatkan pembahagian bab mengikut susunan kronologi kajian. Akhir sekali, bab ini menjelaskan berkenaan objektif kajian iaitu untuk meneroka dan mengenal pasti aspek estetika atau keindahan yang terdapat dalam puisi-puisi terpilih karya penyair wanita Melayu abad ke-20 berpandukan ciri-ciri keindahan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Dalam pada itu, analisis yang lebih khusus dilakukan terhadap ciri keindahan dalam rasa dengan mengaplikasikan Teori Rasa Fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz.

1.2 Latar Belakang Kajian

Puisi adalah medium untuk membina hubungan secara langsung sewaktu pembaca memperoleh pengalaman estetik ketika membaca sesuatu karya. Karya kreatif perlu mempunyai elemen pertemuan naluri pengarang dan naluri pembaca memberi kesan jangka panjang kepada jiwa pembaca. Tetapi pada masa yang sama mementingkan keindahan, falsafah, kesenimananan serta matlamat kepengarangan sahaja (Ghazali Din

dan A. Halim Ali, 2020: 26). Rahayu Akhesah dan Mohd Rosli Saludin (2016) dalam kajiannya mengenai seni artistik penyair Rahman Shaari berpendapat, puisi penuh maksud tersurat dan tersirat yang mengandungi idea dan semangat pengarangnya dalam menyampaikan sesuatu.

Dalam proses kreatif kepengarangan, naluri kepengarangan seorang pengarang secara fitrah membentuk naluri-naluri melalui pemerhatian dan kepekaannya. Sohaimi Abdul Aziz (2001) menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan wadah fikiran dan perasaan yang dijalin oleh bahasa yang indah. Menurut Ali Imron Al-Ma'ruf (2016) karya sastera merupakan karya imaginatif yang lazimnya menggunakan media ekspresi berupa bahasa dengan fungsi estetikanya yang dominan. Manakala, Mana Sikana (1991) menyatakan bahawa berdasarkan teori ilmu sastera, keindahan sesebuah karya seperti puisi merujuk kepada keindahan bahasa dan teknik penciptanya, pengucapan yang puitis, ekspresi yang estetik serta mendukung makna yang tinggi (Mana Sikana, 1991: 10).

Di samping mempunyai nilai keindahan bahasa yang tinggi untuk menyampaikan idea dan maklumat, tema-temanya pula diolah berdasarkan kehidupan harian dan dipersembahkan kepada khalayak pembaca atau pendengar daripada sudut pandangan yang luar biasa untuk membijaksanakan khalayaknya dengan menggunakan teknik-teknik tertentu secara berkesan bagi menimbulkan keindahan (Rahman Shaari, 2001: 9). Contohnya, Muhammad Haji Salleh yang telah banyak mengangkat persoalan tentang kemasyarakatan yang digerakkan oleh naluri kemasyarakatan dalam puisi-puisinya. Malah, William Wordsworth (Brewster Ghiselin, 1983) berpendapat puisi yang baik adalah luapan spontan dari perasaan-perasaan yang kuat:

“...Puisi adalah luapan dari perasaan-perasaan yang kuat, asalnya adalah dari emosi yang dikumpulkan kembali dalam keadaan tenang-sunyi; emosi itu direnungkan, sampai dengan sejenis reaksi, ketenang-sunyian itu beransur-ansur menghilang dan satu emosi yang sama dengan itu, yang dulunya pernah muncul di muka subjek renungan, secara beransur-ansur dilahirkan dan sebenarnya memang ada dalam jiwa sendiri

(Brewster Ghiselin, 1983: 176)

Naluri jika dikaitkan dengan diri seorang penyair, penyair bukan sahaja menggunakan akal fikiran untuk berkarya, malah berdasarkan naluri dan perasaan yang dimiliki secara fitrah. Seorang penyair dalam proses kreatifnya menggunakan kekuatan naluri ketika berkarya dalam menaakul segala pengalaman, kejadian dan tingkah laku manusia. Naluri memperlihatkan kemampuan memahami sesuatu tanpa melalui strategi rasional dan intelektual. Ketajaman intuisi dalam membaca kehidupan memberi kekuatan terhadap proses kepengarangan adalah proses penaakulan (Ghazali Din dan A. Halim Ali, 2020: 28-29). Maka, tidak hairanlah golongan penyair ini dapat berimajinasi sambil memanifestasikan setiap pengalaman, pemikiran, perasaan dan kegelisahan di dalam jiwa mereka menjadi untaian bait-bait puisi yang indah lagi bermakna. Oleh sebab itu, dapatlah ditafsirkan bahawa puisi mengandungi unsur-unsur seni atau keindahan dengan rangkaian kata-kata indah yang berperanan dalam membangkitkan keinginan pembaca untuk mencari dan menyingkap maksud yang ingin disampaikan oleh penyair.

Nilai seni dan keindahan dalam puisi Melayu mencakupi keindahan luaran dan keindahan dalaman. Keindahan luaran boleh dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa, manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek mesej dan pemikirannya (Noor Hazwany Haji Arifin dan Noramisma Ismail, 2014: 152). Puisi ternyata bukan sekadar berbentuk bunyian-bunyian indah, irama mahupun gambaran tentang sesuatu, tetapi memerlukan ekspresi idea yang tinggi dan perasaan

yang mendalam (Shahnon Ahmad, 1978: 4). Demikianlah puisi sebagai hasil seni yang halus, lahir daripada hati dan jiwa yang penuh perasaan serta merupakan suatu alat penyampaian yang mengangkat pelbagai penafsiran kepada penyair dan manusia yang ditunjukkannya (Shamsuddin Jaafar dan A.M. Thani, 1976: 29).

Dalam konteks kajian ini, penyair wanita Malaysia abad ke-20 menampilkan prestasi kepenyairan yang mengagumkan berserta penghasilan puisi-puisi yang baik dan bermutu. Menurut Sakinah Abu Bakar (2012), nama-nama seperti Salmi Manja, Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Siti Zaleha M. Hashim, Salmiah Ismail, Zaihasra dan beberapa nama lagi telah mendapat tempat yang agak istimewa dalam persada puisi negara. Mereka bijak mengimbangi situasi luaran dan dalaman diri mereka menggunakan puisi bagi mempersoalkan isu-isu kemasyarakatan serta kejiwaan dengan penuh sensitiviti dan imaginasi. Lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan persoalan sahsiah diri yang terpancar menerusi karya-karya yang dihasilkan.

Perbezaan penyair wanita Melayu abad ke-20 ini berbanding penyair wanita abad lain khususnya abad yang dijalani kini (abad ke-21) adalah kerana penyair wanita abad ke-20 telah melahirkan ramai penyair wanita prolifik, produktif dan konsisten menghasilkan karya puisi yang bermutu merangkumi pelbagai tema serta persoalan (Abdul Halim Ali, 2007: 89-91). Mereka juga telah berjaya menghasilkan kumpulan puisi persendirian mereka sendiri. Penyair wanita Melayu abad ke-20 tidak hanya memperkatakan tentang dunia kewanitaan serta pengalaman diri mereka sahaja sejak pembabitan penyair wanita dalam sejarah perkembangan puisi Melayu moden. Malah, penyair wanita Melayu abad ke-20 juga sudah mampu menyuarakan isu-isu universal merangkumi isu-isu kemanusiaan, falsafah, sosial dan sebagainya. Penyair wanita ini juga dikenali sebagai tokoh penyair wanita yang memiliki keistimewaan, wibawa dan identiti kepenyairan tersendiri (Abdul Halim Ali, 2007: 89-91). Hal ini

terbukti dengan pelbagai pengiktirafan dalam pelbagai pertandingan sayembara selain berjaya memenangi hadiah sastra dan anugerah yang berprestij. Sebagai contoh, Zurinah Hassan dan Siti Zainon Ismail yang telah dianugerahkan gelaran Sasterawan Negara iaitu anugerah paling berprestij dalam bidang kesusasteraan negara.

Manakala, penyair wanita selepas tahun 2000 sebahagian besarnya tidak begitu aktif berkarya. Selain daripada itu, kurangnya minat penulis wanita menulis dalam genre puisi. Mereka lebih memilih menulis dalam genre prosa seperti novel remaja yang popular dan mendatangkan pendapatan lumayan. Genre puisi tidak menjadi daya tarikan berbanding novel, tidak sekuat tahun 1970-an (abad ke-20) yang melahirkan Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Zaihasra dan beberapa nama lagi. Di samping itu, tidak ramai penyair wanita yang menghasilkan kumpulan puisi tetapi lebih memilih menghasilkan karya eceran dan menerbitkan kumpulan puisi mereka sendiri di penerbitan indie sehingga tidak dikenali secara meluas oleh pemerhati kesusasteraan arus perdana (Hani Salwah Yaakup, 2016).

Menurut Lim Swee Tin (2009: 212), tema-tema yang mencirikan penyair wanita Melayu abad ke-20 ialah tema kemanusiaan, alam, ketuhanan dan falsafah. Contohnya, tema kemanusiaan sering ditonjolkan oleh kebanyakan penyair wanita abad ke-20 tersebut. Hal ini kerana aspek berkaitan dengan manusia dan kemanusiaan menjadi pencetus keresahan penyair-penyair wanita Melayu abad ke-20. Tema sebegini menjadi pendorong penciptaan puisi dengan pelbagai isu kemasyarakatan. Kebanyakannya adalah tentang kemiskinan dan kemelaratan hidup di kota-kota.

Di samping itu juga, penyair wanita abad ke-20 mengemukakan persoalan-persoalan yang tidak jauh berbeza dengan persoalan yang sering dikemukakan oleh penyair lelaki. Malah, penyair wanita dikatakan lebih teliti perlukisannya, terutama sekali berkait rasa dan visi mereka terhadap kaum wanita (Sahlan Mohd. Saman, 1981). Malah, S. M Zakir (2021) berpandangan bahawa sudah ada penulis wanita yang tidak lagi melihat kepada perjuangan wanita dan menggunakan sudut pandang yang lebih universal seperti hal perkembangan masyarakat dan pendidikan. Mereka juga membawa pemikiran serta berani membicarakan isu-isu yang lebih besar dan melawan tabu.

Di samping itu, unsur-unsur bahasa yang digunakan dimantapkan dengan elemen tradisi yang begitu dominan sehingga puisi-puisi mereka kelihatan indah, universal dan relevan dalam konteks kontemporari. Kekayaan tradisi yang mencantumkan elemen fizikal dan mental berjaya diungkapkan dengan penuh keseimbangan (Sakinah Abu Bakar, 2012: 21). Manakala, keprolifikan dan komitmen mereka yang berterusan telah berjaya memartabatkan ketokohan penyair wanita dalam bidang puisi tanah air. Puisi-puisi mereka bukan hanya berkisar kepada hal-hal yang bersifat peribadi semata-mata, malah menjangkau segenap aspek kehidupan manusia dengan mengetengahkan cita rasa, pemikiran serta pandangan mereka terhadap isu-isu yang bersifat global dan mencabar (Pyan Husayn dan Suhaimi Haji Muhammad, 1982: viii). Oleh sebab itu, atas perkembangan tersebutlah kajian tentang hasil karya penyair wanita Melayu abad ke-20 ini dilakukan.

Selain untuk menyampaikan fikiran, didikan, nasihat serta tunjuk ajar, terdapat beberapa aspek keindahan lain lagi yang belum disentuh secara tuntas dalam puisi-puisi mereka. Sehubungan dengan itu, puisi-puisi penyair wanita abad ke-20 yang difokuskan kepada Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Zaihasra, Siti Zaleha M.

Hashim dan Salmiah Ismail ini wajar dikupas dan dinilai secara lebih mendalam mencakup pelbagai lagi aspek bagi menonjolkan keindahan puisi-puisi yang dihasilkan.

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan puisi-puisi penyair wanita Malaysia abad ke-20 yang dihasilkan dalam tempoh masa melewati tahun 1990-an telah menyaksikan tahap kepenyairan mereka semakin berkembang. Kualiti karya yang dihasilkan juga semakin meningkat dengan menyetengahkan isi-isu lebih mencabar di samping mempamerkan kreativiti, imaginasi serta penguasaan bahasa yang tinggi. Dalam pada itu juga, kehebatan penyair wanita abad ke-20 boleh dikatakan seiring dengan penyair-penyair lelaki yang mendominasi bidang puisi tanah air, sebagaimana pandangan Sahlan Mohd. Saman (1981) dalam tulisannya bertajuk “Penyair-penyair Wanita dalam Perkembangan Puisi Melayu”. Sahlan Mohd. Saman menyatakan bahawa persoalan-persoalan yang ditegaskan dalam puisi-puisi penyair wanita tidak jauh berbeza dengan persoalan yang sering dikemukakan oleh penyair lelaki.

Bahkan, ada penyair wanita yang lebih teliti perlukisannya, terutama sekali berkaitan rasa dan visi mereka terhadap kaum wanita. Menurut S. M. Zakir (Orked Una, 2021), perbezaan penulis wanita dan lelaki adalah lebih kepada sudut pandang daripada persekitaran dan ekosistem yang membentuk mereka. Hal ini kerana sudah ada wanita yang tidak lagi melihat kepada perjuangan wanita dan menggunakan sudut pandang yang meliputi pelbagai aspek. Kini, ruang gender sudah beralih, dipecahkan dan tiada sempadan.

Dalam aspek estetika ini, pengamatan yang dilakukan terhadap puisi-puisi penyair wanita tidak ditonjolkan secara menyeluruh daripada pelbagai aspek yang boleh

diperluaskan lagi sudut pengkajiannya. Kajian tentang estetika ini dilakukan kerana kajian yang dilakukan terhadap puisi-puisi karya penyair wanita di Malaysia lebih bersifat eceran iaitu tidak dikumpulkan dan dibincangkan secara menyeluruh. Dengan itu, satu penelitian perlu dilakukan untuk memperlihatkan pelbagai lagi aspek yang boleh dikupas dengan terperinci dan menyeluruh khususnya berkenaan aspek estetika yang mendasari kehebatan puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair wanita Melayu abad ke-20.

Aspek estetika atau keindahan amat dipentingkan dalam penghasilan sesebuah puisi bagi menarik minat serta penghayatan sekali gus memberi kepuasan kepada khalayak pembaca. Tambahan pula, kajian-kajian lepas diperhatikan tidak mengkhusus kepada pencarian aspek keindahan. Teori Puitika Sastera Melayu pula, lebih cenderung digunakan untuk mengkaji aspek-aspek keindahan karya bergenre prosa dan puisi Melayu tradisional seperti pantun dan hikayat. Tiada lagi kajian dilakukan dengan menggabungkan Teori Puitika Sastera Melayu dan Teori Rasa Fenomenologi dalam mengungkapkan keindahan puisi-puisi Melayu moden khususnya kajian tentang keindahan puisi-puisi penyair wanita abad ke-20.

Puisi karya penyair wanita abad ke-20 memiliki keistimewaan tersendiri dalam memaparkan keindahan puisi-puisi yang dihasilkan. Karya puisi mereka mempunyai nilai estetik dengan permainan gaya bahasa, pemilihan diksi yang indah dan puitis. Penghasilan puisi mereka mempunyai nilai estetik dalam menegur, menasihati dan mengkritik pelbagai golongan masyarakat dengan penuh simbolik. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa puisi penyair-penyair lain juga mempunyai keindahan mereka sendiri khususnya penyair wanita sezaman dengan penyair yang dikaji seperti Zaiton Ajmain, Zanariah Abdul Rahman, Nor Aini Muhammad,

Halimah Ahmad, Mahaya Mohd Yasin dan ramai lagi (Zainal Abidin Abdul Kadir, 2022).

Dalam konteks kajian ini, lima orang penyair wanita yang dipilih ini adalah bagi mewakili penyair-penyair yang dinyatakan itu iaitu yang muncul dalam tahun 1970-an hingga tahun 1980-an. Tahun 1970-an hingga tahun 1980-an ialah era terpenting dalam sejarah kepenyairan wanita Melayu moden yang menyaksikan kelahiran ramai penyair wanita berbakat besar (Abdul Halim Ali, 2007: 90). Termasuklah, lima orang penyair wanita yang terpilih untuk dikaji puisi-puisinya ini daripada aspek keindahan. Puisi-puisi terpilih tersebut dianalisis dengan menggunakan konsep keindahan Teori Puitika Sastera Melayu berdasarkan ciri-cirinya iaitu 'keindahan dalam mengajar atau mendidik', 'keindahan dalam mengungkapkan kessedihan dan kesusahan', 'keindahan dalam penceritaan', 'keindahan dalam rasa' dan 'keindahan yang asli. Oleh itu, kajian ini diharap dapat menampung kelompongan kajian tentang ilmu berkaitan keindahan terhadap genre puisi penyair wanita negara seterusnya menjadi ilmu baharu yang boleh dipelajari demi memperkaya hasil sastera kebangsaan.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini mempunyai beberapa kepentingan. Antara kepentingan kajian ini ialah untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang penglibatan penyair-penyair wanita yang bukan sekadar golongan tempelan sahaja dalam arena puisi tanah air. Hakikatnya, mereka memiliki jiwa kepenyairan yang hebat dan mantap bahkan setanding dengan penyair-penyair lelaki yang dianggap lebih dominan. Kenyataan ini disokong oleh S. M. Zakir (2021) yang menyebut bahawa

tidak semua pengarang wanita terperangkap dalam gaya penulisan feminin dan mampu menulis dalam gaya maskulin. Hal ini bukan lagi tentang perihal gender tetapi bagaimana penulis membawa pemikiran dan lebih terbuka sewaktu berkarya. Mereka juga sudah mampu keluar daripada kepompong domestik iaitu hal-hal rumah tangga dan terkepong dalam dunia emosi dengan bangun memperkasakan wanita dalam pelbagai aspek seperti sosial, pendidikan, ekonomi dan politik.

Kajian ini juga penting dalam mengangkat kredibiliti penyair-penyair wanita Melayu abad ke-20 yang memberi sumbangan besar dalam perkembangan dunia puisi tanah air. Di samping itu, atas usaha mereka yang prolifik dalam menghasilkan karya bermutu sehingga menjadi pemangkin kepada penyair-penyair baharu wanita untuk kekal lama berkarya dengan puisi-puisi yang baik dan bermutu. Selain itu, kajian ini diharap dapat membantu masyarakat Melayu terutama generasi sekarang untuk lebih meminati dan mendekati diri dengan genre puisi Melayu moden melalui pendedahan tentang ilmu tentang keindahan yang rencam dengan pelbagai aspek kehidupan manusia.

Kajian ini juga menyumbang terhadap peranan estetika melalui aspek teknik penulisan puisi seperti gaya bahasa, makna, simbol, atau kiasan yang digunakan oleh penyair wanita. Di samping itu, sumbangan kajian ini dalam bidang keilmuan adalah dapat menambahkan lagi kajian yang sedia ada dalam kajian teks puisi khususnya puisi-puisi karya penyair wanita. Hal ini kerana kebanyakan kajian sebelum ini jarang menonjolkan kajian tentang karya penyair wanita atau kajian yang hanya tertumpu kepada subjek-subjek tertentu sahaja. Sebagai contoh, kajian tentang aspek keindahan hanya dilakukan secara eceran di platform-platform media cetak seperti majalah dan akhbar. Begitu juga di media elektronik seperti internet yang maklumat atau kajian puisi-puisi mereka yang bertebaran sehingga sukar dikumpulkan sebagai

satu kajian yang utuh. Sebaliknya, kajian dari aspek keindahan dalam kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu dan dibantu dengan pendekatan Teori Rasa Fenomenologi. Teks-teks puisi terpilih, dipetik dan dikumpulkan daripada kumpulan puisi karya lima orang penyair wanita abad ke-20 yang diwakili oleh Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Zaihasra, Siti Zaleha M. Hashim dan Salmiah Ismail.

Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi model kajian kepada pengkaji seterusnya dalam usaha memperbanyakkan kajian kesusasteraan yang menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan puisi sebagai bahan kajian dengan menunjukkan aspek keindahan yang ditampilkan dalam puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20. Oleh itu, diharapkan kajian ini mampu mendorong minat para sarjana untuk menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu dengan mengkaji banyak lagi aspek yang boleh diterokai lagi dalam teori ini.

Di samping itu, kajian ini penting untuk memberi sumbangan dan menambahkan lagi koleksi kajian sedia ada dalam bidang puisi Melayu Moden di Malaysia. Khususnya, dalam aspek keindahan puisi-puisi karya penyair wanita abad ke-20 menerusi aplikasi Teori Puitika Sastera Melayu. Hal ini kerana, tiada lagi kajian yang menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu terhadap puisi-puisi Melayu moden seperti kajian ini. Dengan yang demikian, diharapkan kajian estetika puisi-puisi penyair wanita Melayu abad ke-20 ini akan dapat memberi impak khusus kepada dunia kepenyairan di Malaysia. Seterusnya, menghargai peranan penyair wanita dalam mengembangkan genre puisi Nusantara, sekali gus menjadi pusat ke arah memperkenalkan karya-karya penyair wanita Malaysia abad ke-20 kepada seluruh pencinta puisi.

1.5 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kepada kajian ini:


- i) Meneroka estetika puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20 melalui elemen mengajar atau mendidik dan elemen kesedihan atau kesusahan.
- ii) Mengenal pasti estetika puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20 melalui elemen rasa dan elemen penceritaan.
- iii) Mengenal pasti estetika puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20 melalui elemen yang asli berdasarkan bentuk puisi Melayu tradisional.

1.6 Kerangka Teori

Secara dasarnya, kajian ini melibatkan dua buah teori iaitu Teori Puitika Sastera Melayu yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (1989) dan Teori Rasa Fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz (1998). Teori Puitika Sastera Melayu menjadi teori asas kajian yang bertunjangkan falsafah dan konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional (Muhammad Haji Salleh, 2000: 133). Teori Puitika Sastera Melayu juga adalah satu pendekatan kritik yang membuka jalan kepada khalayak pembaca memahami fenomena keindahan sesebuah karya kesusasteraan. Hal ini adalah bertujuan mengangkat nilai keindahan teks kesusasteraan Melayu, di samping mencari makna di sebalik keindahan itu dengan hubungan yang berada di luar teks seperti pandangan hidup, budaya, sikap, sejarah dan alam sekitar masyarakat Melayu itu sendiri (Abdul Halim Ali dan Khalid Ismail, 2013: 15). Pendekatan ini amat sesuai untuk dibawa, ditransformasikan, dimodifikasikan atau

diekspansikan menjadi kaedah dalam pengkajian dan pengajaran sastera (Mana Sikana, 2009: 16).

Dalam konteks kajian ini, konsep keindahan Puitika Sastera Melayu digunakan dengan mengambil ciri-ciri keindahan yang diungkapkan dalam konsep keindahan tersebut untuk melihat keindahan puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20. Manakala, Teori Rasa Fenomenologi pula sebagai teori yang digunakan untuk menyokong kajian dalam elemen keindahan rasa iaitu salah satu ciri keindahan konsep keindahan Teori Puitika Sastera Melayu. Berikut ditampikan kerangka aplikasi teori kajian ini:



Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian Estetika Puisi-Puisi Terpilih Penyair Wanita Melayu Abad Ke-20

Berdasarkan rajah di atas, unsur keindahan Teori Puitika Sastera digunakan sebagai landasan kajian untuk meneliti keindahan puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20. Ciri 'keindahan dalam rasa' Teori Puitika Sastera Melayu ini dikaji secara lebih khusus menggunakan Teori Fenomenologi bagi mengesan sejauh mana

perasaan atau emosi tetap pembaca dapat dirangsang untuk menimbulkan pengalaman estetik menerusi gaya penulisan dan kreativiti penyair terhadap puisi-puisi terpilih. Elemen rasa itu seterusnya diteroka dan dikenal pasti berdasarkan lapan emosi tetap iaitu kasih, sedih, marah, bertenaga, takut, jijik, hairan dan riang. Emosi-emosi tetap ini kemudiannya akan menjadi ekspresi sastera apabila dirakamkan ke dalam karya oleh pengarang menjadi rasa “berahi”, “duka”, “berang”, “dahsyat”, “kagum”, “wira”, “benci” dan “lucu”.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada bidang keindahan dalam puisi Melayu moden. Puisi-puisi dalam kajian ini dihasilkan oleh penyair wanita Malaysia yang telah mempunyai kedudukan kukuh dan bergiat aktif dalam arena perpuisian negara pada abad ke-20. Sehubungan dengan itu, lima orang penyair wanita Melayu abad ke-20 telah dipilih daripada sejumlah penyair yang lahir pada era tersebut. Mereka ialah Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Zaihasra, Siti Zaleha M. Hashim dan Salmiah Ismail. Pemilihan penyair wanita tersebut dibuat kerana kemunculan, sumbangan, kegiatan serta keprolifikan mereka dalam menghasilkan puisi yang indah dan bermakna, selain kepenyairan mereka yang sezaman iaitu daripada tahun 1970-an hingga tahun 1980-an. Mereka juga terus bergiat aktif menulis puisi dalam tahun-tahun 1990-an, kecuali Zaihasra yang hanya berkarya setakat tahun 1980-an berikutan kematiannya pada tahun 1989.

Dalam konteks kajian ini, puisi-puisi terpilih yang dianalisis diambil daripada kumpulan puisi persendirian mahupun kumpulan puisi bersama penyair wanita yang dikaji. Kumpulan-kumpulan puisi tersebut adalah *Sesayup Jalan* (Zurinah Hassan, 1974), *Di Sini Tiada Perhentian* (Zurinah Hassan, 1977), *Keberangkatan* (Zurinah

Hassan, 1985), *Pujangga Tidak Bernama* (Zurinah Hassan, 2016), *Puisi Putih Sang Kekasih* (Siti Zainon Ismail, 1984), *Daun-daun Muda: Himpunan Puisi-puisi Kecil 1983-86* (Siti Zainon Ismail, 1986), *Perkasihan Subuh* (Siti Zainon Ismail, 1987), *Akuarium Kota* (Siti Zainon Ismail dan Zaihasra, 1988), *Kau Nyalakan Lilin* (Siti Zainon Ismail, 1990).

Seterusnya, kumpulan puisi *Bunga-bunga Bulan* (Siti Zainon Ismail, 1992), *Dalam Pelarian Satu* (Zaihasra, 1977), *Balada Tun Fatimah* (Zaihasra, 1986), *Laut, Pohon dan Kota* (Zaihasra, 1988), *Camar di Cangkir Bumi* (Siti Zaleha M. Hashim, 1999), *Kristal di Laut Bulan* (Siti Zaleha M. Hashim, 2006), *Kepada Sahabat* (Salmiah Ismail, 1993), *Sehelai Daun* (Salmiah Ismail, 2013) dan *Kembang Melati: Kumpulan Puisi Tujuh Penyair Wanita* (1982).

Justifikasi atau alasan puisi-puisi daripada kumpulan-kumpulan puisi tersebut dipilih untuk kajian ini adalah kerana dijangka dapat memperlihatkan ciri-ciri keindahan yang dinyatakan dalam konsep keindahan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Bagi ciri “Keindahan dalam Rasa” pula, pengkaji memilih kumpulan puisi yang puisi-puisinya mengandungi elemen rasa. Ungkapan puisi yang didapati bersesuaian untuk memperlihatkan aspek keindahan rasa kemudiannya dipilih dan dianalisis secara khusus menggunakan Teori Rasa Fenomenologi yang dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Aziz sebagai ilmu bantu kajian ini. Hal ini adalah bagi menerangkan peranan puisi-puisi tersebut dalam merangsang dan membangkitkan emosi estetik atau rasa pembaca terhadap karya puisi yang dihasilkan oleh penyair wanita abad ke-20 dengan lebih mendalam. Senarai puisi-puisi terpilih lima penyair wanita Melayu abad ke-20 tersebut dinyatakan di bahagian lampiran tesis ini.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian teks melibatkan dua kaedah kajian iaitu kaedah pemerolehan data dan kaedah analisis data. Kaedah pemerolehan data bersumberkan teks kajian utama merangkumi teks-teks puisi yang diperolehi daripada kumpulan puisi penyair wanita abad ke-20 itu sendiri. Teks kumpulan puisi penyair wanita dikumpul dan dipilih daripada kumpulan puisi persendirian mahupun kumpulan puisi bersama hasil terbitan sehingga akhir abad ke-20.

Dalam kaedah pemerolehan data, pengkaji menumpukan sepenuhnya kepada kajian kepustakaan bagi bertujuan mendapatkan data sekunder kajian. Sumber-sumber data diperolehi daripada sumber-sumber ilmiah seperti buku-buku, jurnal, esei, majalah, terjemahan al-Quran, hadis, kerta-kertas seminar dan persidangan serta laman sesawang. Bahan-bahan rujukan ini diperolehi daripada beberapa buah perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Organisasi Penyelidikan Ilmiah Negara. Antaranya, Perpustakaan Hamzah Sendut (Universiti Sains Malaysia), Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Za'ba (Universiti Malaya), Perpustakaan Tun Seri Lanang (Universiti Kebangsaan Malaysia), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (Universiti Putra Malaysia), Perpustakaan Arkib Negara Malaysia serta Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Selain sumber perpustakaan, data-data kajian dari sumber internet juga digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, beberapa laman web telah dilayari untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan bahan rujukan utama serta perbincangan tentang teori kajian.

Pemilihan data kajian dilakukan dengan mengambil rangkap puisi yang mengandungi ciri-ciri atau elemen keindahan dalam Teori Puitika Sastera Melayu

daripada kumpulan puisi karya penyair wanita abad ke-20. Data yang dipilih dibahagikan pula kepada beberapa kategori dengan tema-tema tertentu mengikut ciri keindahan yang dikenal pasti dan menganalisisnya menggunakan pendekatan Teori Puitika Sastera Melayu. Seterusnya, perkara utama yang menjadi fokus perbincangan merangkumi aspek-aspek keindahan dan juga ekspresi sastera yang dirakamkan oleh penyair dalam proses melahirkan pengalaman estetik kepada khalayak pembaca dilakukan. Rasa yang dinyatakan dan diterangkan dalam Teori Rasa Fenomenologi menjadi asas bagi menilai serta menganalisis keindahan rasa puisi-puisi terpilih penyair wanita Melayu abad ke-20.

Secara ringkasnya, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan atau analisis teks. Kaedah ini dipilih kerana pengumpulan data dan analisis data adalah bersumberkan kepada kandungan teks bertulis puisi-puisi penyair wanita Melayu abad ke-20. Menurut Palmquist (1980), antara kelebihan kaedah analisis kandungan ialah (a) melihat secara langsung pada perhubungan menerusi teks atau transkrip sehingga dapat sampai pada aspek tumpuan dalam perhubungan sosial (b) dapat memberikan pemahaman sejarah atau budaya yang bernilai melewati masa teks yang dikaji (c) memberi ruang paling dekat dan hampir pengkaji dengan teks (d) boleh digunakan untuk menginterpretasikan teks bagi tujuan perkembangan kepakaran (Abdul Halim Ali, 2010). Oleh kerana kajian ini memberi tumpuan khusus terhadap analisis teks daripada kumpulan puisi penyair wanita abad ke-20, kaedah ini jelas memberi kelebihan kepada pengkaji untuk mendekati diri dengan teks-teks puisi yang dianalisis.

Walaupun pelbagai cara boleh digunakan dalam menganalisis data kualitatif seperti Marshall dan Rossman (1999) yang membahagikan kaedah analisis data kepada: (a) menyusun atur data; (b) menjana kategori, tema dan pola; (c) mengekod data; (d)

menguji kefahaman yang timbul; e) mencari penerangan alternatif; dan f) menulis laporan. Begitu juga Merriam (2001) yang membahagikan peringkat analisis kepada tiga peringkat utama iaitu pernyataan deskriptif, pembinaan kategori dan pembinaan teori. Terdapat beberapa pendekatan atau tradisi teoretikal yang boleh dipilih sesuai dengan tujuan dan persoalan kajian. Namun, terdapat proses yang umum yang boleh dijadikan panduan. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengambil pendekatan oleh Othman Lebar (2009: 158) iaitu melalui cara mengenali dan memahami data melalui semakan (senarai semak), bacaan, menyusun, menstruktur, seterusnya mengelaskan data tersebut mengikut kategori atau tema-tema sesuai dengan objektif serta ruang lingkup kajian.

1.9 Definisi Istilah dan Konsep

Pendefinisian istilah dan konsep merupakan suatu perkara penting untuk memberi penjelasan dan kefahaman kepada pembaca mengenai elemen-elemen utama dalam perbincangan sesebuah kajian bersifat akademik. Dalam konteks kajian ini, definisi istilah dan konsep yang dinyatakan serta dihuraikan takrifannya terarah kepada tajuk kajian. Di samping itu, pengertian istilah dan konsep tidak hanya diambil daripada sumber rujukan seperti kamus dan ensiklopedia, tetapi turut diperkukuhkan lagi dengan sumber rujukan ilmiah serta pandangan tokoh-tokoh sarjana yang pakar dalam bidang estetika.

1.9.1 Estetika

Istilah estetika berasal daripada perkataan Yunani iaitu 'aesthesis' yang bermaksud perasaan atau sensitiviti. 'Aesthesis'. Menurut Hamidah Abdul Hamid (1995: 1) dalam bukunya *Pengantar Estetik* bermaksud kepekaan dan bersangkutan dengan

ungkapan ‘indah’ dan ‘keindahan’. Konsep estetik dikatakan konsep yang agak sedikit lewat kelahirannya dalam bidang falsafah. Konsep ini wujud akibat rancaknya perbincangan berkenaan teori keindahan dan teori seni dalam karya-karya dialog Plato iaitu *Ion*, *Laws*, *Sophist*, *Republic* dan *Phaedrus*. Manakala, estetika dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Jamal*. Istilah ini muncul pada abad ke-18 dan dikaitkan dengan falsafah keindahan (Wadjiz Anwar, 1980: 5).

Perkataan ‘indah’ pula, menurut Winstedt (1952: 35) dalam *An English Malay Dictionary* dapat disepadankan dengan keindahan manusia, benda, tempat dan perbuatan, perkataan-perkataan yang sinonim dengan indah digunakan antaranya cantik, elok, molek dan rupawan. Menurut *Ensiklopedia Malaysiana* (Hasan Hamzah, 1996: 89), keindahan ditakrifkan sebagai nikmat tersendiri yang dihayati kerananya dan bukan kerana yang lain. Keindahan sesuatu perkara itu terletak pada kesempurnaannya yang disedari melalui sifatnya. Keindahan luaran dilihat oleh kanak-kanak dan haiwan tetapi keindahan dalaman hanya dapat diamati oleh mata hati dan cahaya penglihatan batin manusia yang dewasa serta matang. Keindahan bergantung kepada bentuk luaran serta dalaman yang seimbang. Sesebuah karya yang indah akan membimbing atau mengajar pendengar atau pembaca ke arah kebaikan (Aminudin Mansor, 2011: 6).

Istilah estetika mula diperkenalkan oleh Alexander Gottlieb Baumgarten (1714-1762) iaitu seorang ahli falsafah Jerman dalam kajiannya tentang keindahan menerusi dua buah karyanya yang bertajuk *Reflection of Poetry* (1735) dan *Aesthetica* (1750). Baumgarten telah mendefinisikan estetika sebagai “*the science of sensory cognition (scientia cognitionis sensitiva)*” (Sohaimi Abdul Aziz, 1995). Walaupun begitu, Baumgarten tidak banyak menyumbangkan pandangannya tentang estetika. George Wilhem Friedrich Hegel (1770-1831) merupakan ahli falsafah Jerman yang banyak

membentuk dan memperkemas pengertian estetika, malah sering menggunakan istilah estetika semasa merujuk tulisannya tentang seni (Hamidah Abdul Hamid, 1995: 1).

Terdapat beberapa pandangan dan pentafsiran berbeza oleh ahli falsafah tentang pengertian estetika yang seterusnya menghasilkan pendekatan yang berbeza. Antaranya ialah pendekatan yang meletakkan estetika sebagai bidang ilmu yang membincangkan falsafah keindahan. Pandangan ini diutarakan oleh seorang ahli falsafah Inggeris iaitu Bernard Bosanquet melalui tafsirannya tentang istilah estetik. Menurut Bernard Bosanquet (dalam Sohaimi Abdul Aziz, 1998: 12), istilah estetik ini merujuk persoalan keindahan yang dibicarakan secara teoretikal. Beliau menyatakan pandangannya seperti berikut:

...the term "aesthetic" was adopted with the meaning now recognised, as order to designate the philosophy of the beautiful is a distinct province of theoretical inquiring.

Dalam hal ini, Zangwill (1986: 257), telah mengelompokkan keindahan kepada dua pendekatan iaitu *art-over-beauty* dan *beauty over-art-school*. Pendekatan pertama ialah pendekatan berasaskan teori seni dan pendekatan kedua ialah pendekatan yang mengkaji teori estetik secara langsung seperti pengalaman estetik.

Sementara itu, Plato, Socrates dan Aristotle melihat estetika sinonim kepada falsafah keindahan, kecantikan atau estetik. Kemunculan estetika pada abad ke-18 menyebabkan hubungan estetik dan estetika tidak dapat dipisahkan kerana ia secara khusus dibincangkan dalam aspek keindahan atau estetik. Ilmu tentang estetika banyak diperkatakan oleh ahli falsafah seperti Plato, Socrates dan Aristotle. Bagi Plato (428-347 SM), falsafahnya dianggap sebagai 'benteng' dari segala akar estetika,

keindahan itu ialah realiti yang sungguh-sungguh dan merupakan sejenis hakikat yang abadi dan tidak berubah-ubah (Dickie, 1971: 8). Plato mengemukakan teori keindahan melalui karyanya yang berjudul *Symposium* yang menampilkan cinta sebagai tema utama, manakala keindahan ialah objek cinta. Plato membahagikan keindahan kepada dua. Pertama, keindahan benda-benda dan kedua, keindahan hakiki.

Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap keindahan telah berubah dalam era moden Barat, malah dibataskan kepada aspek-aspek khusus sahaja. Di samping itu juga, istilah keindahan (*beautiful*) tidak lagi digunakan sebaliknya diganti dengan istilah estetik yang diperkenalkan oleh Alexander Baumgarten pada abad ke-18 sebagai bidang kajian untuk memahami konsep keindahan. Hal ini kerana, konsep keindahan hakiki tidak mendapat tempat dan hanya memberi tumpuan kepada deria sebagai piawai untuk menilai keindahan sebagaimana yang dipopularkan oleh sarjana dan ahli teori estetik Barat moden (Abdul Halim Ali, 2014: 90).

Zakaria Osman (1997) memetik pendapat Socrates (499-399 SM) menyatakan bahawa keindahan itu bersifat relatif apabila diukur daripada kaca mata manusia iaitu sesuatu yang dikaitkan dengan selera seseorang. Manakala, Aristotle (384-322 SM) memberi makna keindahan sebagai keserasian pelbagai unsur yang bersatu dalam kesatuan (*unity in variety*) yang tidak dipaksa atau dibuat-buat. Aristotle menyingkap persoalan keindahan dengan lebih tegas dan kukuh dalam bukunya yang berjudul *Poetics*. Aristotle juga menyebut bahawa puisi merupakan pengetahuan tertinggi kerana puisi memiliki keindahan yang sempurna, teratur, rapi dan pengertian intuitif yang langsung dan mendalam pada diri penyair. Menurutnya, keindahan berada dalam diri atau batin seseorang (Zangwill, 1986: 257).

Namun demikian, falsafah estetika telah semakin dicurigai sehingga menimbulkan persoalan tentang estetika yang dikatakan hanya menyentuh soal keindahan semata-mata. Pemikiran ini didorong oleh Collingwood (1958: 41) yang menyatakan bahawa “... *aesthetic theory is not of beauty but art*”. Menurutnya, estetika tidak hanya mengkaji soal keindahan tetapi turut mengkaji persoalan seni. Seni bukan hanya tertumpu kepada objek-objek yang indah sahaja tetapi juga objek-objek yang bertentangan seperti sedih, bodoh, jelek, kejam dan sebagainya. Hal ini menjelaskan bahawa hodoh dan jelek itu indah kerana objek-objek tersebut juga menarik minat pembaca atau penikmat terhadap sesebuah karya. Dalam seni muzik misalnya, muzik yang perlahan dan lunak memungkinkan lahirnya sesuatu perasaan yang indah. Sebaliknya, ada juga orang yang lebih mengemari muzik berirama rancak dan kuat barulah mereka dapat merasakan keindahan muzik tersebut.

Demikianlah juga halnya dengan bidang seni yang lain, misalnya ada orang lebih gemar menonton filem aksi peperangan yang mengandungi babak-babak kejam dan pembunuhan. Situasi ini bergantung kepada emosi atau perasaan serta kecenderungan minat seseorang pendengar atau penonton seperti yang dikatakan oleh Santayana “Segalanya indah sebab segalanya mampu mengikut kadar-kadar tertentu menarik minat dan mempesonakan perhatian kita” (Zakaria Osman, 1997: 7). Hal ini bertepatan dengan pandangan Collingwood (1958) dalam bukunya, *The Principle of Art* yang mengaitkan keindahan dengan pengalaman yang ada hubungan dengan emosi atau perasaan. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa seni dan keindahan bukan sekadar merujuk kepada objek-objek seni yang indah sahaja, tetapi juga meliputi objek seni yang bersifat sebaliknya. Dalam bidang seni, keindahan adalah sesuatu yang abstrak sifatnya.

Hubungan antara falsafah seni dan keindahan memang tidak dapat dinafikan, tambahan pula falsafah seni terlebih dahulu diperbahaskan berbanding falsafah keindahan. Seperti juga falsafah keindahan, falsafah seni juga mempunyai pelbagai teori. Antaranya, seni sebagai peniruan, seni sebagai keindahan dan seni sebagai satu pengalaman. Pandangan Collingwood ini jelas tidak berbeza daripada pandangan yang hanya meletakkan falsafah keindahan dalam skop kajian estetika. Walau bagaimana pun kedua-dua pendekatan ini tidak ditolak, malah digabungkan dan diletakkan dalam skop kajian estetik yang lebih luas. Skop kajian estetika ini seperti yang dikemukakan oleh Johnson (1969) bahawa “...*aesthetics, the philosophical study of beauty and the arts*”. Skop kajian estetika ini diperluaskan oleh seorang ahli falsafah Amerika iaitu Monroe C. Beardsley dan menjadikan falsafah kritikan seni sebagai unsur utama skop kajian estetika (Sohaimi Abdul Aziz, 1998: 13-14).

Sementara itu, Hamidah Abdul Hamid (1995: 5-7) telah memetik pendapat Plotinus (205-270 M) yang menyatakan bahawa keindahan wujud pada banyak benda. Objek yang ketara memiliki keindahan adalah objek-objek yang boleh dilihat. Deria dengar juga dapat mengesan keindahan terhadap semua jenis muzik, irama dan ritma serta perkataan-perkataan yang disepadukan dengan kaedah-kaedah tertentu. Keindahan juga dapat dikesan oleh akal budi yang melampaui alam deria ke tahap lebih tinggi, lantas mengenal pasti keindahan pada cara kehidupan, tindakan, perwatakan dan kegiatan intelek. Dalam erti kata lain, Plotinus merangka teori keindahannya daripada pengalaman keindahan alam deria kepada tahap kebenaran melalui renungan dan penelitian yang mendalam. Untuk melihat keindahan dan kebenaran, jiwa perlu indah dan suci melalui cara memperbaiki serta memenuhi diri dengan sifat-sifat yang mulia.

Menurut Braginsky (1998: 5-7), keindahan ini juga berbagai-bagai apabila dikaitkan dengan sesuatu objek dan berada di dalam satu kesatuan yang harmoni. Maka, keindahan itu merupakan sesuatu yang luar biasa dan berhubung dengan konsep keindahan dalam Islam sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran yang bermaksud “kesatuan”, “harmoni” dan “seimbang”. Daripada sudut psikologi, keindahan merupakan sesuatu yang luar biasa dan menarik perhatian khalayaknya. Keindahan dapat menarik perasaan seseorang terhadap objek yang mempunyai nilai-nilai estetik. Namun, jika seseorang itu tidak dapat mengawal perasaannya terhadap objek keindahan itu, maka individu itu akan memasuki tahap merbahaya yang boleh menggugatnya. Individu itu akan menjadi seorang pelupa, tidak dapat mengawal perasaannya lantas menjejaskan kemampuannya untuk berfikir dengan waras.

Oleh yang demikian, keindahan itu haruslah berada pada tahap yang maksima dan tidak berlebih-lebihan. Manakala, Najib al-Kilani mengumpulkan takrifan keindahan sebagai sesuatu yang dapat menggembirakan seseorang apabila melihat atau mengamati sesuatu objek, keindahan itu juga merupakan janji untuk kegembiraan; merupakan satu perkara yang nisbi (abstrak) dan sebagai satu kemampuan atau kemahiran secara langsung dan bukanlah pengabstrakan yang sunyi daripada kehidupan (Muhammad Bukhari Lubis, 1995: 90-91).

1.9.2 Estetika Menurut Perpektif Islam

Islam mempunyai estetikanya tersendiri yang dibina bersumberkan Al-Quran dan Hadis (Mana Sikana, 2009: 12). Menurut pandangan semesta Islam, keindahan mutlak hanya dimiliki oleh Allah S.W.T. Hal ini dapat dihayati dengan jelas daripada alam semesta yang diciptakan-Nya, nama-nama Allah S.W.T, keterangan *al-Quran* dan hadis Nabi Muhammad S.A.W. Contohnya, sebuah hadis riwayat Muslim dalam